

**JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN  
NEGERI KELANTAN**



**KENYATAAN SEBUT HARGA**

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-
- 2.

**NO. SEBUT HARGA : JPS/KN/KK/PPPP/SH/07/2026 P**

**TAJUK PROJEK : KERJA-KERJA MENAIKTARAF JALAN LADANG PEKEBUN KECIL (JLPK) SERTA KERJA BERKAITAN DI KG CHATEL, KUALA KRAI, KELANTAN**

3. Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai sebut harga ini hendaklah berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK), Sijil Taraf Bumiputra (STB) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) atau PPK di bawah bidang berikut:

| <b>Gred</b> | <b>Kategori</b> | <b>Pengkhususan</b>   |
|-------------|-----------------|---|
| <b>G2</b>   | <b>C</b>        | <b>CE 21-Kerja Am Kejuteraan Awam<br/>CE 01-Pembinaan Jalan</b> |

4. Segala maklumat dan dokumen sebut harga boleh didapati semasa waktu pejabat di Jabatan Pengairan Dan Saliran Jajahan Kuala Krai, Jln Pintas 18000, Kuala Krai, Kelantan mulai dari 05/05/2026 (Selasa).
5. Dokumen sebut harga hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor yang membawa Sijil Pendaftaran ASAL (PPK dan SPKK) yang dikeluarkan oleh CIDB dan Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate -TCC) daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).
6. Kontraktor yang ingin memasuki sebut harga di atas adalah dikehendaki mengeluarkan Wang Tunai/Wang Pos/Bank Deraf berharga RM50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Ringgit Sahaja) yang dibuat atas nama Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kelantan sebagai bayaran dokumen sebut harga.
7. Taklimat dan Lawatan Tapak sebut harga adalah DIWAJIBKAN dan hanya kontraktor yang menghadiri taklimat dibenarkan mengambil dokumen sebut harga. Kontraktor hendaklah melaporkan diri pada 05/05/2026 (Selasa) pada jam 9.00 pagi hingga jam 12.00 Tengahari di Jabatan Pengairan Dan Saliran Jajahan Kuala Krai, Jln Pintas 18000, Kuala Krai, Kelantan.
8. Bagi sesi taklimat sebut harga, hanya penama yang tercatat dalam sijil PPK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan. Kontraktor/ Syarikat TIDAK BOLEH mewakili pegawai selain daripada penama dalam PPK/ SPKK/ PUKONSA atau UPKJ. (ruj: Pekeliling Perbendaharaan Malaysia Pindaan 1 Jun 2025).
9. Kontraktor hendaklah membawa bersama Sijil Pendaftaran (Asal) dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), PUKONSA, UPKJ dan Sijil Taraf Bumiputera serta satu Salinan sijil-sijil berkenaan untuk simpanan dan rekod pejabat ini semasa sesi taklimat.

**JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN  
NEGERI KELANTAN**



**KENYATAAN SEBUT HARGA**

10. Sila bawa cop beralamat untuk memudahkan urusan pendaftaran semasa taklimat dijalankan. Hanya penama syarikat di dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)/sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Sahaja boleh menghadiri taklimat sebut harga.
11. Sebut harga ini akan ditutup pada 12/05/2026 (Selasa). Dokumen sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga di Jabatan Pengairan Dan Saliran Jajahan Kuala Krai, Jln Pintas 18000, Kuala Krai, Kelantan tidak lewat dari jam 12.00 tengahari pada hari tersebut.
12. Penyebut harga boleh menghantar Dokumen Sebut Harga menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier menggunakan alamat seperti di atas. Jika sebut harga ini dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier. Penyebut harga hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan seperti di atas sebelum/pada Tarikh Tutup Sebut Harga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengahari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.
13. Tiada maklumat berkenaan sebut harga boleh disiarkan dalam sebarang akhbar, majalah atau alat pengiklanan/media massa melainkan jika pengiklanan itu telah pun dihantar kepada dan diluluskan oleh Kerajaan terlebih dahulu.

Tandatangan

  
: .....  
**MUHD FAZA AZRIN BIN MD RUSLI**  
Penolong Jurutera JA5  
Jabatan Pengairan Dan Saliran  
Kuala Krai, Kelantan.

Tarikh : 28/4/26